

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 03/08/2007

# Pendidikan: Malaysia bantu anggota UNESCO

Oleh HASHNAN ABDULLAH

**PUTRAJAYA** 2 Ogos - Malaysia bersedia berkongsi pengalaman dengan negara anggota Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti di negara terbabit.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (**gambar**) berkata, ia sejajar dengan komitmen Malaysia untuk terus bersama UNESCO dalam perjuangan membantu negara yang berdepan dengan masalah buta huruf.

"Saya menawarkan pengalaman Malaysia itu semasa sesi pembentangan sempena Persidangan Serantau UNESCO Bagi Menyokong Literasi Sejangat di Beijing, China, semalam.

"Ia telah diterima baik oleh wakil negara anggota kerana mereka melihat pendekatan dan strategi Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bukan hanya untuk me-



ingkatkan kadar celik huruf tetapi juga menghasilkan modal insan yang seimbang dalam setiap segi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Persidangan yang berlangsung dari 31 Julai sehingga semalam dihadiri China, Indonesia, Myanmar, Vietnam, Timor Leste,

Um - 3/8/2007

Sejajar dengan komitmen Malaysia untuk terus bersama UNESCO dalam perjuangan membantu negara yang berdepan dengan masalah buta huruf

**HISHAMMUDDIN  
TUN HUSSEIN**  
Menteri Pelajaran

Samoa dan pegawai kanan UNESCO.

Hishammuddin memberitahu, kesudian Malaysia itu adalah bersandarkan kepada hakikat bahawa pencapaian celik huruf telah melonjakkan negara pada kedudukan antara yang terbaik di dunia.

"Sejak 2002, tahap celik huruf Malaysia secara konsisten mencatat peningkatan daripada 90.5 peratus kepada 92.5 peratus pada 2006.

"Pencapaian tersebut membuktikan dasar pendidikan Malaysia berada pada landasan yang betul dan progresif," katanya.